

04/02/2003

Klip video tidak selaras ucapan PM

Penonton Setia

PAGI Ahad lalu, ketika menonton Inspirasi Pagi di RTM 1, sebelum menanti azan Subuh, hati terhibur dengan klip video lagu membawa mesej berguna dan murni.

Bagi membuka minda, RTM turut menyiarkan petikan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai isu berkaitan akhlak dan pembentukan keluarga bahagia berselang-seli dengan klip video itu.

Pada awalnya, memang nampak menarik kerana klip video yang disiarkan seiring dengan petikan ucapan Dr Mahathir.

Sebelum azan Subuh ditayangkan klip video mengenai perjuangan dan nasib rakyat Palestin dan ia disambung semula selepas azan. Kemudian disiarkan petikan ucapan Perdana Menteri, kali ini Dr Mahathir menyebut mengenai akhlak mulia dan murni.

Namun, saya terkejut kerana klip video seterusnya ialah lagu Inggeris yang tidak menggambarkan akhlak mulia seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri.

Dengan penyanyi dan penari terlonjak-lonjak, lagu itu langsung tidak mencerminkan nilai murni yang seharusnya ada pada rakyat Malaysia, khususnya Melayu.

Mengapakah lagu sebegitu disiarkan, apatah lagi selepas azan? Apakah rasional dan kaitan penyiaran klip video itu dengan ucapan Dr Mahathir? RTM perlu berhati-hati dalam memilih klip video yang sesuai pada masa dan konteksnya.

PENONTON SETIA,

Kuala Lipis, Pahang.